PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2007

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan mampan dalam kebanyakan rantau utama

Pertumbuhan ekonomi global semakin kukuh pada suku kedua 2007. Momentum pertumbuhan dikekalkan di kebanyakan ekonomi utama termasuk Amerika Syarikat (AS), kawasan euro, Jepun dan Republik Rakyat China (RR China).

Di **AS**, pertumbuhan penggunaan menjadi sederhana kepada 1.3% (S1: 3.7%) ekoran pasaran perumahan yang menguncup dan harga gasolin yang makin tinggi. Namun, ekonomi AS berkembang 3.4% pada suku kedua 2007 (S1: 0.6%), didorong oleh pelaburan harta tanah bukan kediaman yang kukuh, perbelanjaan kerajaan yang meningkat dan prestasi perdagangan yang lebih baik. Defisit perdagangan makin mengecil, didorong oleh pertumbuhan eksport yang menyeluruh, termasuk bekalan perindustrian, barangan pengguna dan barangan modal. Import menguncup buat kali pertama sejak suku pertama 2003. Walau bagaimanapun, kegawatan baru-baru ini dalam pasaran gadai janji dan kredit subprima telah menyebabkan beberapa ketidakpastian berhubung dengan kesannya terhadap penggunaan dan prospek pertumbuhan keseluruhan.

Di **Jepun**, ekonomi berkembang pada kadar sederhana sebanyak 0.5% pada suku kedua (S1: 3.2%). Penyederhanaan ini sebahagian besarnya disebabkan aktiviti penggunaan swasta yang lembap selepas prestasi yang memberangsangkan pada suku pertama. Di samping itu, pertumbuhan yang lebih perlahan juga mencerminkan eksport yang lebih rendah khususnya ke AS. Walau bagaimanapun, kaji selidik Tankan terkini yang dikeluarkan pada bulan Julai menunjukkan sektor perniagaan Jepun masih optimistik dengan rancangan untuk menambah perbelanjaan modal. Di **kawasan euro**, ekonomi berkembang 2.5% pada suku kedua, disokong oleh perbelanjaan atas peralatan modal dan perdagangan bersih yang kukuh di Jerman. Selain itu, pembaikan berterusan dalam pasaran pekerja dan tahap keyakinan yang tinggi dalam kalangan pengguna menyarankan pembentukan pendapatan yang berterusan dan permintaan pengguna yang semakin meningkat. Di **UK**, pertumbuhan kekal pada kadar 3% pada suku kedua, terutamanya disokong oleh perbelanjaan pengguna dan sektor perkhidmatan. Sementara itu, sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan positif.

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	2.4	3.3	0.6	3.4[a]	1.7	Pertumbuhan kembali pulih disokong oleh pelaburan swasta, perbelanjaan kerajaan, eksport dan inventori yang lebih tinggi.
UK	2.7	2.4	2.9[r]	3.0[a]	3.0	Disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pemulihan dalam sektor perkilangan.
Kawasan Euro	2.9	2.8	3.1	2.5	2.8	Disokong oleh perdagangan dan pembiayaan yang kukuh atas kelengkapan modal di Jerman.
Jepun[1]	1.7	2.4	3.2[r]	0.5[a]	2.5	Pertumbuhan yang sederhana akibat kelembapan dalam penggunaan swasta dan kegiatan eksport.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[r] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di **AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan kadar faedah pada 5.25% pada mesyuaratnya pada 28 Jun dan 7 Ogos 2007. Inflasi masih membimbangkan memandangkan tahap penggunaan sumber yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada 17 Ogos, kadar

diskaun dikurangkan sebanyak 50 mata asas kepada 5.75%. **European Central Bank** (ECB), pada mesyuarat dasarnya pada bulan Ogos mengekalkan kadar faedahnya pada 4% bagi bulan kedua berturut-turut. Pertumbuhan pesat dalam bekalan wang dan pemberian pinjaman terus menjadi pertimbangan utama ECB. **Bank of England** turut mengekalkan kadar dasarnya pada 5.75% meskipun inflasi melebihi paras sasaran sebanyak 2%. **Bank of Japan** juga mengekalkan kadar faedah pada 0.5% pada 23 Ogos.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S2
	S2	ST1	S1	S2	ST1	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	11.5	11.0	11.1	11.9	11.5	Didorong oleh eksport dan pelaburan.
Singapura	8.0	9.1	6.4	8.6	7.5	Disokong oleh sektor perkhidmatan kewangan dan pembinaan.
Hong Kong SAR	5.5	6.8	5.7	6.9	6.3	Didorong oleh pelaburan, eksport dan penggunaan swasta.
Indonesia	5.1	5.0	6.0	6.3	6.1	Disokong oleh pelaburan dan eksport.
China Taipei	4.6	4.7	4.2	5.1	4.6	Disokong oleh pelaburan swasta yang kukuh.
Korea	5.1	5.7	4.0	4.9[a]	4.5[a]	Disokong oleh sektor perkilangan dan juga pelaburan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah global naik sedikit pada akhir suku kedua dan ditutup pada USD70.69 setong pada 29 Jun disebabkan kebimbangan tentang bekalan di Nigeria dan tahap inventori AS yang lebih rendah. Harga minyak mencatat paras tertinggi yang baharu pada USD78.77 setong pada 1 Ogos didorong pembelian spekulatif ekoran data ekonomi yang kukuh.

Di rantau **Asia**, aktiviti ekonomi terus kukuh meskipun terdapat pelarasan dalam sektor elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E). Pertumbuhan disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport bukan-E&E yang mampan. Penyederhanaan dalam eksport E&E serantau dijangka berakhir pada separuh kedua tahun 2007 kerana penyelarasan terhadap inventori berterusan dan pertumbuhan eksport separa konduktor mengurangkan kesan kejatuhan harga jualan purata.

Trend inflasi bercampur-campur. Ekonomi ASEAN-4[1] mencatat tekanan inflasi yang lebih rendah, manakala kadar inflasi adalah lebih tinggi di RR China, Korea dan Singapura disebabkan kenaikan harga makanan dan juga harga aset. Berhubung dengan dasar monetari, Indonesia, Thailand dan Filipina mengurangkan kadar faedah memandangkan tekanan inflasi yang lebih rendah dan juga bagi merangsang permintaan dalam negeri. Sebaliknya, RR China, Korea dan China Taipei menaikkan kadar faedah.

Dalam **pasaran tukaran wang asing**, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama pada akhir suku kedua. Pembezaan kadar faedah masih merupakan faktor utama yang mempengaruhi prestasi dolar AS. Pada bulan Julai, paun sterling mencapai nilai tertinggi dalam tempoh 26 tahun berbanding dengan dolar AS, manakala euro didagangkan hampir pada nilai tertingginya dalam sejarah berbanding dengan dolar. Perkembangan ini didorong jangkaan penurunan kadar faedah oleh FOMC dan kemungkinan kadar faedah di Eropah akan dinaikkan lagi. Sementara itu, kebanyakan mata wang serantau menjadi lebih kukuh pada akhir suku kedua berbanding dengan suku pertama disebabkan perdagangan yang terus kukuh dan aliran masuk ekuiti portfolio. Selepas itu, terdapat kesan kontagion daripada pasaran modal global yang turun naik dalam pasaran tukaran asing pada bulan Ogos.

[1] ASEAN-4 merujuk kepada Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand.